

١٢- بَابُ مِنَ الدِّينِ الْفِرَارُ مِنَ الْفِتَنِ

*Bab 12: Antara Ajaran Agama (Islam) Ialah Lari Daripada Pelbagai Fitnah.*¹⁵⁸

¹⁵⁸ Bab ini merupakan kesinambungan bagi bab-bab sebelumnya dalam da'waan Imam Bukhari bahawa iman terdiri daripada gabungan tiga juzu' yang berlainan, iaitu tashdiq bil qalb (membenarkan dengan hati), iqrar bil lisaan (mengakui dengan lidah) dan 'amal bil arkaan (mengerjakan dengan anggota badan). Jika menerusi bab-bab sebelum ini Imam Bukhari membawa hadits-hadits yang menjelaskan bahagian-bahagian iman yang harus dicetuskan sendiri oleh orang-orang yang mahu melengkapkan imannya, seperti kasihkan Allah, Rasul, golongan Anshaar dan sebagainya, maka menerusi bab ini pula orang yang beriman tidak hanya dituntut agar mencetus atau melakukan sesuatu sahaja, malah mereka juga harus meninggalkan dan menghindarkan diri daripada sesuatu, seperti fitnah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Bukhari berbeza daripada Imam Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengannya yang mengatakan iman itu bersifat Basith. Qaul dan 'amal yang tersebut sebagai juzu' iman selain tashdiq bagi mereka adalah hasil atau buah iman, bukannya bahagian atau juzu' bagi hakikat iman. Kerana yang mengalami pasang surut dalam iman ialah kaifiatnya sahaja, bukan kerangka iman itu sendiri.

Kalau menerusi bab-bab sebelum ini bahagian atau juzu' iman yang diketengahkan Bukhari ialah berupa melakukan amalan-amalan kebaikan, namun menerusi bab ini iman juga menuntut agar seseorang muslim itu mengelakkan dirinya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh mengancam dan merosakkan imannya. Contohnya bergaul dengan seseorang atau kumpulan yang ditakuti akan mempengaruhi atau menjejaskan agama dan imannya. Sebaliknya jika seseorang muslim itu seronok dan selesa membiarkan dirinya berterusan hanyut dalam keadaan yang sedemikian, maka menurut Imam Bukhari, juzu' imannya masih belum lengkap. Namun menurut Imam Abu Hanifah yang mengibaratkan kekuatan iman seumpama cahaya, iman orang itu malap cahayanya.

Perkataan من pada rangkai kata من الدين di dalam tajuk bab di atas boleh jadi من تبعضية (yang bererti sebahagian daripada sesuatu) atau من سببية (yang bererti sebab, kerana atau demi sesuatu).

Walaupun terjemahan bagi perkataan من di dalam tajuk itu boleh diterjemahkan dengan erti 'kerana' atau 'demi' dan sebagainya, mengambil kira ia sebagai من سببية (yang bererti sebab, kerana atau demi sesuatu), maka boleh juga ia diterjemahkan dengan 'Lari daripada fitnah demi agama', namun penulis lebih berpuas hati untuk memilih terjemahan yang telah diberikan di atas. Ini kerana sebagaimana telah kita sedia ma'lumi, Imam Bukhari tidak akan membiarkan tajuk yang dibuatnya kosong daripada maksud-maksud tersirat yang menyokong pendapat dan pegangan mazhabnya. Jadi untuk memadankan maksud tajuk dengan aliran pendapat Bukhari yang mengatakan amalan adalah sebahagian daripada iman, maka penulis telah memilih من تبعضية (yang bererti sebahagian daripada sesuatu) untuk menginterpretasikan tajuk yang dibuatnya itu.

Amalan agama terbahagi kepada dua bahagian, iaitu amalan yang harus dilaksanakan dan yang harus ditinggalkan. Dengan mengamalkan salah satu daripadanya, misalnya melakukan amalan-

amalan kebajikan, tetapi dalam masa yang sama melakukan juga ma'shiat, agama seseorang itu masih belum lengkap dan sempurna.

Seperti tajuk-tajuk bab lain selain bab ini di bawah Kitab al-Iman, Imam Bukhari tetap hendak menolak fahaman Murji'ah dengannya. Salah satu slogan golongan Murji'ah ialah: لا تضر مع الإيمان معصية Bermaksud: Ma'shiat tidak menjejaskan orang yang sudah beriman.

Dengan mengadakan tajuk bab ini beliau ingin mendedahkan betapa melesetnya fahaman golongan itu. Kerana kalau ma'shiat memang tidak menjejaskan orang yang sudah beriman, sia-sialah perintah Rasulullah s.a.w. di dalam hadits 19 di bawah bab ini. Apa perlu lagi orang mu'min melarikan diri ke puncak-puncak gunung atau ke kawasan-kawasan tadahan hujan demi menyelamatkan agamanya?! Bukankah hadits Rasulullah s.a.w. itu dengan jelas menunjukkan melarikan diri daripada pelbagai fitnah yang berlaku dalam masyarakat dengan tujuan menyelamatkan agama termasuk dalam tuntutan agama juga?

Tindakan Imam Bukhari menggunakan perkataan الدين atau agama di dalam tajuknya sekali lagi menimbulkan persoalan, kerana di dalam tajuk-tajuk sebelum ini beliau hanya menggunakan perkataan Islam atau iman dalam usahanya membuktikan bahawa iman itu bersifat Murakkab atau ia terdiri daripada bahagian-bahagian pelengkap. Tetapi di dalam tajuk kali ini beliau seolah-olah ingin menyatakan bahawa agama juga bersifat murakkab atau terdiri daripada bahagian-bahagian pelengkap. Biar apa pun, tindakan beliau itu tetap mempunyai maksudnya yang tersendiri. Antara lainnya ialah:

(1) Jika kita menjengah kembali kepada perbincangan-perbincangan tentang tajuk-tajuk Bukhari yang telah lepas, pasti kita akan temui bahawa tindakan beliau ini adalah untuk menunjukkan bahawa perkataan iman, Islam dan agama tidak mempunyai maksud yang berbeza. Bagi Imam Bukhari, agama ialah cara hidup. Ia merupakan wahana atau wadah seseorang bagi merealisasikan iman dan Islamnya. Malah Allah s.w.t. juga sering menggunakan perkataan agama bagi menafsirkan maksud Islam. Lihat antara lainnya firman Allah berikut:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ لَأُولُوا الْإِسْلَامِ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya. (Aali 'Imraan:19).

Lihat juga firmanNya ini:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١٣٠﴾

Bermaksud: Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat kelak termasuk orang-orang yang rugi. (Aali 'Imraan:85).

(2) Imam Bukhari juga menggunakan perkataan الدين (agama) di dalam tajuk bab 12 di atas, kerana bagi beliau Islam, Iman dan ad-Din adalah perkataan-perkataan mutaraadifaat (seerti). Oleh itu apa-apa yang termasuk di bawah perkataan ad-Din, termasuk juga di bawah perkataan Islam dan Iman. Oleh kerana teks hadits di bawahnya menggunakan perkataan الدين (agama),

١٩ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعْصَعَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَنَّهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوشِكُ أَنْ يَكُونَ خَيْرَ مَالِ الْمُسْلِمِ غَنَمٌ يَتَّبِعُ بِهَا شَعَفَ الْجِبَالِ وَمَوَاقِعَ الْقَطْرِ يَفْرُ بِدِينِهِ مِنَ الْفِتَنِ.

19- `Abdullah bin Maslamah<sup>159</sup> meriwayatkan kepada kami daripada Malik<sup>160</sup> daripada Abdir Rahman bin `Abdillah¹⁶¹ bin `Abdir Rahman (bin al-Haarits) bin Abi Sha'sha'ah

Imam Bukhari mengutamakannya daripada perkataan Islam atau Iman. Di dalam sabda Rasulullah s.a.w. itu jelas tersebut: يَفْرُ بِدِينِهِ مِنَ الْفِتَنِ (dia lari daripada pelbagai fitnah demi agamanya).

“lari daripada pelbagai fitnah” Perkataan ‘lari’ mempunyai dua maksud yang tersendiri, iaitu sama ada perbuatan berusaha menjauhkan diri atau berhijrah daripada sesuatu sejauh mungkin, seperti melarikan diri daripada sesuatu yang mengancam atau menakutkan. Maksud ini juga menunjukkan fitnah terhadap agama adalah sesuatu yang amat perlu di jauhi dan orang yang mengambil tindakan melarikan diri daripada fitnah-fitnah sememangnya mempunyai kemantapan iman. Mungkin juga ia bermaksud meninggalkan sesuatu atau mengelak diri daripada terlibat dengannya.

¹⁵⁹ `Abdullah bin Maslamah bin Qa'nab al-Qa'nabi al-Harithi al-Bashri r.h. Kuniah beliau ialah Abu `Abdir Rahman. Beliau meriwayatkan hadits daripada Imam Malik, Laith bin Sa'ad, Makhramah bin Bukair, Ibnu Abi Dzi'b dan ramai lagi. Semua `ulama' telah sepakat tentang kedudukannya yang tinggi dalam agama khususnya di bidang periwayatan hadits. Selain merupakan salah seorang perawi Imam Bukhari di dalam Sahihnya, beliau juga adalah salah seorang perawi Kitab Muwattha' Imam Malik. Riwayat beliau lebih dikenali sebagai riwayat Muwattha' al-Qa'nabi. Ia merupakan antara koleksi Muwattha' Imam Malik yang terkenal selain Muwattha' al-Mashmudi, riwayat murid Imam Malik yang sangat terkenal dan paling meluas penggunaannya iaitu Yahya bin Yahya al-Mashmudi al-Andalusi. Selain dua Muwattha' ini terdapat beberapa lagi Muwattha' Imam Malik. Antaranya ialah Muwattha' Imam Muhammad, susunan Imam Muhammad bin al-Hasan as-Syaibaani. Selain telah berguru dengan Imam Malik, beliau juga merupakan salah seorang murid utama Imam Abu Hanifah. `Ali Ibnu al-Madini dan Yahya bin Ma'in lebih mengutamakan Muwattha' al-Qa'nabi berbanding Muwattha'-Muwattha' yang lain. `Abdullah bin Maslamah bin Qa'nab al-Qa'nabi adalah seorang yang mustajab doanya. Walaupun beliau merupakan murid kepada Imam Malik, tetapi Imam Malik amat menghormatinya. Pernah suatu ketika apabila Imam Malik terdengar ada orang memberitahu tentang kedatangan `Abdullah bin Maslamah, beliau terus menyahutnya dengan berkata;

قوموا بنا إلى خير أهل الأرض

Bermaksud: Ayuh kita sama-sama bangun untuk menyambut orang yang paling baik di dunia ini.

¹⁶⁰ Nama penuh Imam Malik dan silsilah keturunannya ialah Malik bin Anas bin Malik bin Abi `Aamir bin `Amar al-Ashbahi al-Madani. Beliau dikenali juga sebagai Imam Darul Hijrah dan `Aalimul Madinah. Ini kerana para imam hadits yang lain telah mengembara ke serata pelosok

dunia untuk menimba ilmu, tetapi Imam Malik pula tidak pernah melangkah keluar dari Kota Madinah (Darul Hijrah), memandangkan Kota Madinah pada ketika itu merupakan pusat ilmu hadits. Beliau merupakan salah seorang Imam Ahlu as-Sunnah yang paling terkemuka selain Abu Hanifah, as-Syafi'e dan Ahmad bin Hanbal. Imam Malik lahir pada tahun 93 Hijrah dan wafat pada tahun 179 Hijrah pada ketika berusia 86 tahun. Beliau merupakan seorang guru hadits yang sangat cermat dan teliti sehinggakan sebelum memulakan kuliahnya, beliau akan mengemaskan penampilannya dengan mengenakan pakaian yang paling cantik di samping memakai wangi-wangian yang harum. Sebaik sahaja memulakan pengajian hadits, beliau tidak akan menggerakkan badannya demi memuliakan kata-kata Rasulullah s.a.w. sehingga pernah suatu ketika wajah beliau telah berubah menjadi merah sebanyak beberapa kali sewaktu menyampaikan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. Sebaik sahaja beliau menamatkan kuliahnya, murid-muridnya yang kehairanan telah bertanya tentang sebab perubahan wajahnya semasa menyampaikan kuliahnya tadi. Setelah membuka bajunya, mereka dapati beberapa liang gigitan kala jengking di bahagian belakang badannya. Beliau juga dilaporkan tidak pernah menunggang kenderaan dan memakai alas kaki (seperti selipar, kasut dan sebagainya) ketika berjalan di atas bumi Madinah, kerana menghormati Nabi s.a.w. yang bersemadi di dalam perutnya. Pernah suatu ketika Khalifah Harun ar-Rasyid menjemput beliau untuk mengadakan kelas pengajian di istana Khalifah, namun pelawaan Khalifah ditolak oleh beliau dengan alasan: العلم يوتى (ilmu itu didatangi atau dicari), bukannya mencari.

Akhirnya Sang Khalifah mengalah dan bersetuju mengikuti kuliahnya yang diadakan di masjid. Namun Khalifah yang masih belum biasa dengan adab majlis pengajian Imam Malik tidak duduk dengan cara yang beradab. Sebaliknya duduk bertelekan semasa majlis pengajian berjalan. Maka Imam Malik terus menegurnya dengan berkata: يا أمير المؤمنين من إجلال رسول الله إجلال العلم (Wahai Amiral Mu'minin, termasuk dalam erti menghormati Rasulullah s.a.w. itu ialah menghormati ilmu hadits). Akhirnya Khalifah membetulkan cara duduknya dengan lebih bersopan.

¹⁶¹ Selain meriwayatkan daripada ayahnya sendiri, beliau juga meriwayatkan hadits-hadits daripada 'Athaa' bin Yasaar, 'Umar bin 'Abdil 'Aziz dan az-Zuhri. Tokoh-tokoh hadits yang menerima hadits daripada beliau pula ialah Sufyan bin 'Uyainah, 'Abdil 'Aziz bin 'Abdillah bin Abi Salamah al-Maajisyun, Malik, Yahya bin Sa'id al-Anshaari dan lain-lain. Abu Haatiim dan an-Nasaa'i mengatakan beliau tsiqah. Ibnu Hibbaan juga menyenaraikan nama beliau di dalam Kitab ats-Tsiqaatnya. Sufyan bin 'Uyainah menyebutkan nama sebenar beliau bukan 'Abdur Rahman, tetapi 'Abdullah. Namun 'Ali Ibnu al-Madini berkata, itu adalah waham (kekeliruan) Sufyan. Imam ad-Daraquthni berkata, tiada khilaf dalam nukilan namanya daripada Imam Malik. 'Abdur Rahman bin 'Abdillah meninggal dunia di zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Manshur pada tahun 129H. 'Abdullah, ayah 'Abdur Rahman ini dikatakan tsiqah oleh an-Nasaa'i dan Ibnu Hibbaan. Moyang beliau, Abu Sha'sha'ah telah terbunuh di zaman Jahiliyah lagi. Sementara datuk beliau, al-Haarits pula telah ikut serta bersama Nabi s.a.w. dalam perang Uhud dan terbunuh syahid dalam perang di Yamaamah di bawah pimpinan Khalid bin al-Walid.

daripada ayahnya daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a.¹⁶² bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak lama lagi, akan tibalah masanya di mana sebaik-baik harta seseorang muslim itu adalah kambing¹⁶³ yang dibawanya ke puncak-puncak gunung dan ke

¹⁶² Abu Sa'id al-Khudri adalah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang sangat terkenal. Nama sebenar dan silsilah keturunan beliau ialah Sa'ad bin Malik bin Sinaan bin 'Ubaid bin Tsa'labah bin 'Ubaid bin al-Abjar al-Anshaari al-Khazraji. Khudrah adalah nama datuk keenam beliau yang dipanggil al-Abjar itu. Kerana dinisbahkan kepada Khudrah itulah beliau dikatakan al-Khudri. Bapa Abu Sa'id al-Khudri, Malik telah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam perang Uhud. Dan beliau telah mati syahid dalam peperangan itu. Abu Sa'id al-Khudri sendiri juga telah tampil untuk ikut serta dalam perang Uhud, tetapi beliau tidak diterima menyertainya kerana dianggap masih di bawah umur. Bagaimanapun selepas itu beliau telah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam kira-kira 12 peperangan. Selain meriwayatkan hadits daripada ayahnya sendiri, Abu Sa'id al-Khudri juga meriwayatkan hadits daripada empat Khulafa' ar-Raasyidin dan lain-lain sahabat. Ibnu 'Umar dan Ibnu 'Abbaas adalah antara sahabat yang telah meriwayatkan hadits daripada beliau. Dari kalangan Tabi'in pula terdapat ramai sekali orang-orang yang telah meriwayatkan hadits daripada beliau.

Sejumlah 1,170 hadits telah diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri. 43 hadits daripadanya adalah muttafaq 'alaih. Imam Bukhari bersendirian tanpa Muslim dalam meriwayatkan 16 hadits beliau. Imam Muslim pula bersendirian tanpa Bukhari dalam meriwayatkan 52 hadits beliau.

Abu Sa'id al-Khudri terbilang sebagai salah seorang sahabat yang utama dan faqih. Hanzalah bin Abi Sufyan al-Jumahi menukilkan daripada beberapa orang gurunya tentang sahabat-sahabat kecil Rasulullah s.a.w. Kata mereka, tidak ada di kalangan sahabat-sahabat kecil Rasulullah s.a.w. orang yang lebih faqih dan lebih alim daripada Abu Sa'id al-Khudri. Beliau telah meninggal dunia pada hari Juma'at di Madinah Munawwarah, tahun 74H. Dan dikebumikan di perkuburan Baqi'.

¹⁶³ Perkataan خير manshub sebagai khabar يكون yang muqaddam. Perkataan غنم pula marfu' sebagai isim يكون yang mu'akkhar. Di dalam nuskah al-Ashili pula tersebut sebaliknya. Perkataan خير marfu' sebagai isim يكون dan غنم pula dibaca غنما sebagai khabar bagi يكون. Menurut tokoh ilmu Nahu yang terkenal, Ibnu Malik, perkataan خير dan غنم harus dii'raab sebagai mubtada' dan khabar. Dalam keadaan ini dhamir di dalam perkataan يكون adalah dhamir sya'an. Namun Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, apa yang dikemukakan oleh Ibnu Malik itu hanya boleh dikemukakan dan diterima sebagai salah satu taujih Nahwi semata-mata. Kerana berdasarkan nukilan riwayat, tidak ada sama sekali dinukilkan begitu. **Antara maksud yang tersirat** di sebalik perkataan kambing yang disebutkan oleh hadits ini menurut para 'ulama' ialah harta-harta dalam bentuk yang mudah untuk dibawa bersama semasa berpindah atau melarikan diri. Seperti kambing yang lebih kecil saiznya berbanding lembu ataupun unta. Kambing juga mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu yang lain. Antaranya ialah ia merupakan haiwan yang pandai mencari makanannya sendiri apabila dilepaskan, mengeluarkan susu yang berkhasiat dan merupakan penawar bagi membantu pemiliknya sentiasa bertenaga untuk beribadah. Kulit dan bulunya pula boleh dijadikan bahan untuk membuat pakaian. Selain itu ia mudah membiak dan mudah juga disembelih untuk dijadikan makanan. Dalam erti kata

kawasan-kawasan tadahan hujan.¹⁶⁴ Dia lari demi (menyelamatkan) agamanya daripada pelbagai fitnah.¹⁶⁵

yang lain, sabda Rasulullah s.a.w. ini memaksudkan setiap benda yang sebaiknya dibawa bersama adalah dalam bentuk sesuatu yang praktikal, mudah dan berguna dalam membantu melicinkan perjalanan kehidupan seseorang di tempat-tempat seperti di puncak gunung.

¹⁶⁴ Puncak-puncak gunung merupakan tempat-tempat yang aman daripada pelbagai gangguan untuk melakukan ibadah. Dalam keheningan suasananya seseorang itu akan mampu mencapai ketenangan jiwa. Manakala kawasan-kawasan tadahan hujan pula adalah tanah-tanah yang subur untuk bercucuk tanam dan sesuai untuk penternakan. Walau bagaimanapun, pengasingan diri daripada masyarakat bukanlah berma'na ajaran Islam menggalakkan penganutnya agar memilih cara hidup kependitaan. Tambahan pula tindakan mengasingkan diri dengan mendiami puncak-puncak gunung dan hutan hujan adalah satu tindakan yang boleh mengundang bahaya, lebih-lebih lagi kepada golongan yang lemah seperti kaum wanita, orang kurang upaya, warga emas dan sebagainya, memandangkan mereka mungkin akan berhadapan dengan dugaan-dugaan hidup bersendirian ataupun terpaksa berhadapan dengan ancaman binatang buas dan seumpamanya. Sabda Rasulullah s.a.w. ini juga menunjukkan bahawa walau bagaimana sekalipun bahayanya ancaman-ancaman tersebut dan bagaimana besar sekalipun dugaan-dugaannya, ia tidaklah sebesar mana jika dibandingkan dengan fitnah-fitnah yang boleh mengancam aqidah seseorang yang beriman.

¹⁶⁵ Fitnah yang dimaksudkan di dalam hadits ini adalah fitnah yang berkaitan khusus dengan agama. Kerana definisi kepada perkataan fitnah itu sendiri mempunyai sempadan yang sangat luas, sehinggakan kehidupan manusia itu sendiri sama ada pahit manis, suka duka dan sebagainya juga termasuk dalam maksud fitnah. Hakikat ini telah dijelaskan oleh Allah di dalam firmanNya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Tiap-tiap diri akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan. (al-Anbiyaa':35).

Fitnah-fitnah dalam bentuk pancaroba atau ujian getir kehidupan yang menghambat manusia, seringkali juga membuatkan mereka lari daripada berhadapan dengannya. Biar apa pun, jika ia boleh menggugat dan mengancam iman dan agamanya, maka melarikan diri daripadanya tetap termasuk dalam perbuatan yang dimaksudkan oleh hadits ini. Demikian juga dengan berhijrah dari sesuatu tempat yang mengongkong kebebasan beragama.

Hadits ini juga menggambarkan bahawa fitnah yang akan dihadapi oleh orang-orang yang beriman datang dalam pelbagai rupa dan bentuk, sehingga ada antaranya yang tidak mampu ditepis oleh mereka. Misalnya penguasaan sistem riba yang diamalkan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat konvensional lain yang tidak dapat tidak, percikannya menempiasi juga orang-orang yang tidak mahu terlibat secara langsung dengannya. Benarlah kata-kata Nabi s.a.w. yang mendedahkan hakikat ini melalui sabda Baginda:

لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَبْقَى مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرَّبَا فَمَنْ لَمْ يَأْكُلْ أَصَابَهُ مِنْ غِبَارِهِ